

Journal of Contemporary Social Science and Education Studies

E-ISSN: 2775-8774


Vol 4, Issue 3 Special Issue (2024)

Doi: 10.5281/zenodo.14043653

GAYA ASUHAN IBU BAPA, KECERDASAN EMOSI DAN HUBUNGANNYA DENGAN TINGKAH LAKU REMAJA DELINKUEN

Farah Nabilah Mokhtar¹, *Jasmi Abu Talib¹, Nurul Atiqah Ab Raji¹ & Siti Balqis Md Nor¹

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Article Info	ABSTRACT
<p>Article history:</p> <p>Received: 5 Sept 2024 Revised: 4 Oct 2024 Accepted: 17 Oct 2024 Published: 15 Nov 2024</p> <p>Keywords:</p> <p><i>Gaya asuhan ibu bapa, Kecerdasan emosi, Tingkah laku delinkuen</i></p> <p></p>	<p>Tingkah laku delinkuen remaja sering dikaitkan dengan banyak faktor sama ada faktor dalam diri sendiri atau faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya, gaya asuhan ibu bapa, pengaruh persekitaran dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku remaja delinkuen. Kajian ini telah dilaksanakan di 21 buah sekolah di Daerah Kuala Terengganu. Sampel kajian adalah seramai 338 orang pelajar tingkatan satu, dua dan empat yang mempunyai masalah disiplin. Sampel telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Tiga set soal selidik versi terjemahan telah digunakan dalam kajian ini iaitu Soal Selidik Gaya Asuhan Ibu Bapa, Soal Selidik Kecerdasan Emosi dan Soal Selidik Kekerapan Tingkah Laku Delinkuen. Data yang diperolehi dianalisis secara diskriptif dan inferensi. Analisis diskriptif seperti min, peratus dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur tahap pemboleh ubah. Manakala analisis inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah korelasi. Korelasi digunakan untuk mengukur hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan terhadap tingkah laku delinkuen. Kecerdasan emosi juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen. Implikasi daripada kajian ini, gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi remaja perlu dipertingkatkan kerana hasil kajian ini telah membuktikan kedua-dua pemboleh ubah ini memberi kesan kepada tingkah laku delinkuen remaja. Bagaimanapun kajian lanjut perlu dijalankan bagi mengesahkan lagi dapatan kajian ini. Beberapa cadangan kajian turut dicadangkan berdasarkan dapatan kajian ini</p>

Corresponding Author:

*Jasmi Abu Talib,
Faculty of, Faculty of Business, Economic and Social Development
Email: jasbatrisyia2@umt.edu.my



This is an open-access article under the CC BY-SA license.

PENGENALAN

Remaja adalah pelapis yang akan menjadi tunjang kepimpinan negara pada masa hadapan. Oleh itu, pelbagai persiapan dan kekuatan diri diperlukan seperti mempunyai tingkah laku yang positif, kemahiran berfikir yang baik, kecerdasan emosi yang tinggi dan positif serta kebolehan membuat keputusan untuk menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin pada masa hadapan. Perkara yang diperlukan untuk masa hadapan perlu dipersiapkan pada masa sekarang agar hasil yang diperolehi adalah yang terbaik. Namun, apa yang berlaku adalah sebaliknya di mana statistik daripada (JKM, 2019) menunjukkan seramai 4833 remaja yang terlibat dengan jenayah mengikut pelbagai jenis kes dan jantina (Mariam Abd Majid, Nurzati Ismah Azizan, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah, Zainab Ismail dan Aisyah Humairak, 2022). Menurut Yustisi (2019) tingkah laku delinkuen remaja merupakan penyakit sosial yang sentiasa berlaku sejak kebelakangan ini. Keterlibatan remaja dalam pelbagai isu sosial ini haruslah dilihat sebagai amaran kepada kita bahawa terdapat konflik dalaman terutamanya konflik berkaitan emosi yang dialami dalam diri remaja (Sh Marzety, Melati Sumari & Zuria Mahmud, 2013). Akibat daripada konflik ini, remaja akan cenderung memilih jalan untuk bersikap agresif dan mudah memberontak. Menurut Matthews, Zeidner & Roberts (2017), kecerdasan emosi adalah keupayaan seseorang untuk melihat, menyatakan, mengenali, menggunakan dan mengurus emosi sendiri dan orang lain. Oleh itu, memantapkan institusi kekeluargaan merupakan salah satu jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi dalam kalangan remaja pada masa kini. Kepincangan yang datang daripada institusi keluarga itu sendiri telah membawa kesan yang negatif kepada remaja, dan bertitik tolak daripada sinilah remaja mengalami masalah yang melibatkan tingkah laku mereka (Badruzaman Baharom, 2006). Kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah datang daripada keluarga yang mempunyai pelbagai masalah (Nur Amal Zaimah, Azlina Abdullah dan Mohamed Fauzi Sukimi, 2021)

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Banyak kajian berkaitan dengan gaya asuhan dan tingkah laku delinkuen telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu umpamanya kajian oleh Davaidass, Nachiappan dan Ganaprakasm (2018) yang melihat hubungan persekitaran keluarga terhadap tingkah laku devian dalam kalangan pelajar India di Daerah Hulu Langat. Responden yang terlibat adalah pelajar tingkatan 4 yang berbangsa India seramai 70 orang yang mempunyai rekod disiplin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku, gaya asuhan ibu bapa dan kepatuhan agama dengan tingkah laku devian. Oleh itu dalam kajian ini menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa merupakan salah satu aspek yang memberi kesan kepada tingkah laku devian remaja.

Kajian yang dilakukan Ahmad Faqih Ibrahim, Ummi Nuwairah Norismail, Mustafa Kamal Amat Misra dan Muhammad Hilmi Mat Johar (2019) bertujuan untuk mengenalpasti tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Melaka. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar tingkatan empat seramai 152 orang. Pengkaji melibatkan dua aspek dalam kajian ini iaitu aspek kasih sayang yang membawa kepada nilai min sebanyak 3.93 manakala aspek kedua dalam kajian ini ialah aspek penolakan yang menunjukkan nilai min sebanyak 3.48. Ini menunjukkan bahawa aspek kasih sayang daripada ibu bapa sangat dititik beratkan. Manakala kajian yang dilakukan Maznah Othman, Norulhuda Sarnon dan Ezarina Zakaria (2019) bertujuan untuk melihat kefungsi keluarga terhadap tingkah laku remaja perempuan tidak terkawal. Pemilihan responden secara persampelan bertujuan yang melibatkan remaja perempuan berusia 13 hingga 18 tahun yg telah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat atas pelbagai masalah tingkah laku. Dapatan kajian mendapati ketidakfungsian keluarga remaja perempuan tidak terkawal berakar umbi atas 3 sebab utama iaitu (i) faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonomi yang rendah; (ii) corak didikan ibu bapa yang tidak sesuai; dan (iii) tiada contoh ikutan dalam keluarga. Tingkah laku tidak terkawal merupakan rentetan daripada perkembangan semula jadi remaja. Remaja yang tidak terkawal ini mempunyai keluarga yang disfungsi serta berhadapan dengan cabaran persekitaran yang tidak selamat dan tidak boleh menyesuaikan diri dengan keluarga.

Kajian kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen

Laras Arastrika Puteri (2018) menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan kecenderungan tingkah laku delinkuen remaja. Seramai 89 orang remaja daripada SMAN 1 Cikarang Utara, Indonesia yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memberi kesan kepada tingkah laku delinkuen sebanyak 17.5%, manakala 82.5% dipengaruhi oleh pembolehubah yang tidak dikaji. Sementara itu Kajian oleh Yap Ming Hui, Koh Doh Hian, Yap Chin Choo, Tan Soon Aun dan Gan Su Wan (2019) pula bertujuan untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal dengan masalah tingkah laku di kalangan remaja di Malaysia. Responden yang terlibat adalah seramai 600 orang remaja dari Pulau Pinang, Perak dan Johor. Hasil kajian menunjukkan bahawa kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal berkolerasi secara negatif dengan masalah tingkah laku remaja. Analisis regrasi berganda pula mendapati bahawa kecerdasan emosi intrapersonal merupakan peramal yang signifikan kepada masalah tingkah laku remaja.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif secara kaedah tinjauan secara keratan rentas (cross sectional survey) di mana data dikutip dengan menggunakan soal selidik. Kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan merupakan tatacara persampelan dimana sekelompok subjek mempunyai pengetahuan dan tujuan khusus mengenai penyelidikan merupakan ciri-ciri yang perlu ada pada responden kajian yang terpilih. Seramai 338 orang telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan tiga set soal selidik iaitu soal selidik Gaya Asuhan Ibu Bapa terhadap remaja yang diadaptasi daripada Paulson's Perception of Parenting Scale yang diperkenalkan oleh Paulson (1994), Soal Selidik Kecerdasan Emosi oleh Schutte et al (1998) yang diterjemahkan oleh Hamidah Sulaiman (2013) dan soal selidik 'Delinquency Scale' oleh Junger (1997) diterjemahkan oleh Badruzaman Baharom (2006).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hubungan yang antara jenis gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen

Jadual 4.16: Analisis korelasi gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen remaja.

Pembolehubah		N	r	P
Gaya asuhan ibu bapa	Tingkah laku delinkuen	338	.197	.000

Berdasarkan jadual 4.16, menunjukkan dapatan kajian mengenai kekuatan hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan tingkah laku delinkuen adalah bersamaan $r=.197$, $p=.000 > 0.05$, ini menunjukkan hubungan yang positif tetapi sangat lemah.

Hasil analisis korelasi Pearson mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku klien delinkuen. Ini juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga jenis gaya asuhan yang dilihat dalam soal selidik kajian ini mempengaruhi tingkah laku klien delinkuen secara berbeza-beza. Sebagaimana yang diperkatakan oleh LeFebvre (1999), kemesraan ditunjukkan oleh ibu bapa ketika menjaga anak-anak tetapi tidak didisiplinkan dengan baik akan menyebabkan anak-anak mereka akan lebih terdorong untuk terus mencuba perkara yang asing bagi mereka seperti penyelahgunaan dadah, merokok, menceroboh dan lain-lain kerana tiada disiplin. Selain itu, ciri-ciri pengawalan terhadap anak-anak yang tinggi tetapi tidak bertanggungjawab (Clark dan Shields, 1997) dan remaja akan memberontak, pendendam, kurang motivasi, kebolehan bersosial yang lemah dan menjadi individu yang terlalu agresif. Namun disebabkan oleh kawalan yang tinggi terhadap kehidupan remaja, maka mereka tidak melakukan perbuatan seperti melanggar peraturan sekolah, membuli, merokok serta ponteng sekolah. Kajian oleh Maznah Othman et al (2019) juga turut mendapati bahawa corak didikan ibu bapa yang tidak sesuai adalah faktor yang utama kepada tingkah laku yang tidak terkawal kepada remaja perempuan yang telah dirujuk kepada Jabatak Kebajikan Masyarakat di atas pelbagai masalah tingkah laku. Malah kajian oleh Absha Atiah Abu Bakat et al (2019) turut memperolehi dapatan yang sama dengan pengkaji yang mana

faktor ibu bapa adalah antara salah satu faktor yang memberi kesan kepada penyimpangan akhlak dalam kalangan remaja

Hubungan antara kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja

Jadual 4.17: Analisis korelasi kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja.

Pembolehubah		N	r	P
Kecerdasan emosi	Tingkah laku delinkuen	338	.107	.049

Ujian korelasi *pearson* digunakan untuk membuat pengujian ke atas hipotesis Ho2 yang dibina. Berdasarkan jadual 4.17, dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen di mana $r=.107$. Namun, kekuatan hubungan yang ditunjukkan adalah lemah di antara kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen, $p=.049 < 0.05$

Bagi kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen pula dapatan kajian menunjukkan bahawa kestabilan emosi kepada seseorang individu sangat memainkan peranan yang penting. Malah setiap daripada apa yang ditunjukkan oleh seseorang baik dari segi tingkah laku mahupun perkataan adalah lahir daripada emosi yang wujud ketika itu. Ini selaras dengan pernyataan Azizi (2005) mengatakan bahawa pembentukan sikap dan personaliti merupakan warna kehidupan serta akan dicorakkan dan digerakkan oleh emosi dan perasaan. Dapatan kajian ini selari dengan andaian model kecerdasan emosi Goleman (1998) yang mengandaikan bahawa aspek perasaan dan tingkah laku dapat dikemudikan serta diarahkan dengan baik terhadap diri sendiri dan juga individu lain. Selain itu, model ini juga mengandaikan bahawa kemenjadian seseorang dari segi tingkah laku yang positif serta empati adalah lebih baik dibandingkan dengan keberhasilan dalam akademik dipengaruhi oleh kecerdasan emosi seseorang individu. Goleman mempercayai bahawa kecerdasan emosi menunjukkan keberhasilan yang positif kepada beberapa aspek kehidupan seperti kesihatan mental bertambah baik, proses pembelajaran bertambah baik, tingkah laku agresif akan berkurang, dapat membuat keputusan dengan yakin dan hubungan dengan individu lain semakin baik dan kurangnya tekanan adalah sumbangan daripada kecerdasan emosi yang baik. Goleman (1998) juga berpendapat kecerdasan emosi adalah kebolehan seseorang memberi semangat kepada diri sendiri dan boleh menghadapi kekecewaan, keinginan dan kemahuan dapat dikendalikan dengan baik, menjaga keadaan hati dan berkeupayaan mengawal tekanan yang dihadapi, boleh berfikir dengan waras dan mempunyai empati yang tinggi.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah memberi telah mengesahkan andaian Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1991) yang merupakan asas kepada hubungan antara ibu bapa- anak. Tiga gaya asuhan yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan teori ialah gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan autoritatif dan gaya asuhan permisif. Ketiga-tiga gaya asuhan autoritatif dikaitkan dengan hasil yang positif kepada tingkah laku remaja manakala gaya asuhan autoritarian dan permisif pula dianggap membawa kesan yang negatif dalam pembentukan tingkah laku remaja. Namun begitu, kajian mendapati gaya asuhan autoritatif dan permisif yang mempunyai hubungan dengan tingkah laku delinkuen, manakala gaya asuhan autoritarian pula menunjukkan tidak terdapat hubungan dengan tingkah laku delinkuen. Ini berkemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi hasil dapatan tersebut.

Seterusnya, teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman yang digunakan dalam kajian ini turut melihat kepada Model Kecerdasan Emosi Goleman yang merangkumi lima dimensi iaitu kesedaran sendiri, pengurusan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Kecerdasan emosi juga turut memberikan kesan kepada responden kajian dan dapat melihat bagaimana perkembangan kecerdasan emosi responden berdasarkan soal selidik yang dijawab. Menurut Teori Kecerdasan Emosi Daniel Goleman (1995), kecerdasan emosi yang baik ialah kebolehan untuk mentadbir dan mengendalikan emosi dan tingkah laku sendiri dan orang sekeliling. Sekiranya remaja dapat memenuhi keperluan kecerdasan emosi mereka, maka mereka dapat mengelakkan diri mereka dari terjebak dengan tingkah laku delinkuen. Namun begitu kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara

kecerdasan emosi dan tingkah laku delinkuen. Ini berkemungkinan remaja yang terlibat dalam kajian ini kurang pendedahan mengenai kecerdasan emosi mereka.

Dari aspek asuhan ibu bapa pula mereka seharusnya memantau tahap kecerdasan emosi serta memastikan tingkah laku anak mereka supaya tidak terlibat dengan tingkah laku delinkuen. Banyak penyelidikan yang dilakukan mendapati asuhan turut memberi kesan kepada tingkahlaku kankan-kanak dan emosi mereka. Ibu bapa perlu memberikan sepenuh perhatian kepada anak-anak dalam pembentukan dan perkembangan anak-anak

RUJUKAN

- Ahmad Faqih Ibrahim, Ummi Nuwairah Norismail, Mustafa Kamal Amat Misra dan Muhammad Hilmi Mat Johar. (2019). *Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Yang Terlibat Dengan Keruntuhan Akhlak*. Jurnal Maw'izah, Jilid 2, 71-78. eISSN:2636-9354.
- Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd Isa Hamzah. (2019). *Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial*. Jurnal Hadhari 11 (1) 1-17, ISSN 1985-6830. Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Azizi Yahaya & Yusof Boon. (2005). *Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Dan Tingkah Laku*. Seminar Antarabangsa CESA Universiti Kebangsaan Malaysia. (Unpublished).
- Badruzaman Baharom. (2006). *Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devians Remaja Di Daerah Pontian, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Davaidass, K. S., Nachiappan, S., & Ganaprakasam, C. (2018). Persekitaran Keluarga Terhadap Tingkah Laku Devian dalam Kalangan Pelajar India di Daerah Hulu Langat. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(2), 1–15.
- Goleman, D. (1998). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York, NY: Bantam Books.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa Dalam Kalangan Remaja Sekolah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2015). *Kanak-Kanak Terlibat Dengan Jenayah*. Kuala Lumpur. JKMM.
- LeFebvre, Joan E. (1999). Parenting style. Positive parenting of teens. Minnesota extension service and University of Wisconsin extension.
- Laras Arastrika Puteri. (2018). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosional Dengan Kecenderungan Perilaku Delinkuen Remaja*. Bandung, Indonesia
- Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Zainab Ismail dan Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2022). Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Satu Sorotan Literatur Sistemik. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol.14 No II, pp-18-27.
- Matthews, G., Zeidner, M., & Roberts, R. R. (2007). Emotional intelligence: consensus, controversies, and questions. In Matthews, G., Zeidner, M., & Roberts, R. R. (Eds.), *The science of emotional intelligence – knowns and unknowns* (pp. 3-46). New York: Oxford University Press
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon & Ezarina Zakaria. (2019). *Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial*. Journal of Social Science and Humanities. Vol. 16. No.9 (86-101), ISSN: 1832-884x
- Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad, Melati Sumari, & Zuria Mahmud. (2013). Understanding the experience of female adolescents delinquents: A phenomenological study. *International Journal of Social Science*, 5 (1), 1-20.

- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, Lena E., Haggerty, D., Cooper, J. T. Golden, C., & Dornheim, Liane. (1998). *Development And Validation of A Measure of Emotional Intelligence. Personality and Individual Differences*, 25, 167-177. DOI: 10.1016/s0191-8869(98)0001-4.
- Yap Ming Hui, Koh Doh Hian, Yap Chin Choo, Tan Soon Aun dan Gan Su Wan. (2019). The Impact of Emotional Intelligence On Problem Behaviour Among Adolescents in Malaysia. *The European Proceedings of Social & Behavioral Science*. ISSN: 2357-1330. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.6>.
- Yustisi Maharani Syahadat. (2019). Perilaku Khas Kenakalan Remaja (Juvenile Delinquency) Pada Siswa Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Kesehatan Mercusuar*. Retrieved from <http://jurnal.mercubaktijaya.ac.id/index.php/mercusuar/article/download/53/25>